

29 AUG 2002

Syed Hamid-Pendatang/I

M'SIA SEDIA SIASAT LAPORAN LAYANAN BURUK TERHADAP PENDATANG

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini meminta mereka yang mempunyai aduan khusus mengenai layanan buruk Malaysia terhadap pendatang tanpa izin supaya membuat pengaduan menerusi saluran betul sambil berjanji bahawa kerajaan akan menyiasat perkara itu.

"Jika ada insiden yang mendatangkan rasa tidak puas hati, cara terbaik adalah dengan membuat aduan menerusi saluran diplomatik dan kami akan menyiasat," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan ahli Majlis Perlembagaan Kemboja di sini hari ini.

Syed Hamid bagaimanapun berkata setakat ini, beliau belum menerima sebarang aduan mengenai layanan buruk terhadap pendatang tanpa izin yang sedang dihantar pulang ke negara asal masing-masing yang kebanyakannya terdiri daripada rakyat Indonesia dan Filipina serta Bangladesh, India dan Myanmar.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan mengenai dakwaan bahawa sejumlah pendatang tanpa izin dari Filipina dan Indonesia, termasuk bayi, mati semasa dalam proses penghantaran pulang ke negara asal mereka.

Syed Hamid berkata dengan mengambil kira proses penghantaran pulang itu membabitkan ribuan orang, adalah tidak adil untuk mengatakan bahawa layanan buruk berlaku hanya kerana seseorang meninggal dunia.

Syed Hamid menegaskan bahawa tindakan Malaysia itu (menghantar pulang) adalah semata-mata bagi melaksanakan haknya sebagai negara berdaulat untuk memastikan negara ini bebas daripada pendatang yang datang ke sini tanpa dokumen lengkap, tidak mempunyai pekerjaan atau memilih untuk terbabit dalam aktiviti jenayah.

"Kami perlu mengambil tindakan kerana ia sudah menjadi beban sosial kepada kami. Sebilangannya terbabit dalam aktiviti jenayah, serta mungkin dieksploitasi oleh majikan yang tidak bertanggungjawab," katanya.

Syed Hamid juga hairan mengapa masalah pendatang tanpa izin itu diperbesarkan sekarang sedangkan tiada siapa membuat bising mengenai perbuatan jenayah yang dilakukan sebilangan mereka.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata hubungan dua hala antara Malaysia dan negara terbabit sangat bernilai dan tidak dapat digugat oleh keadaan semasa.

Mengenai laporan bantahan di luar kedutaan Malaysia di Manila membabitkan dakwaan layanan buruk terhadap pendatang tanpa izin negara itu, beliau berkata yang penting orang ramai menyedari tindakan Malaysia itu dilakukan dalam batasan sistem perundangan bagi menangani masalah pendatang tanpa izin di negara ini.

Syed Hamid berkata Kuala Lumpur banyak membantu rakyat Filipina bekerja di negara ini yang membolehkan mereka menghantar balik wang untuk membantu keluarga masing-masing, selaras semangat Malaysia untuk "memakmurkan jiran".

Beliau berkata tindakan sekumpulan penunjuk perasaan yang dilaporkan membakar gambar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bendera Jalur Gemilang, tidak menjejaskan hubungan baik yang dinikmati kedua-dua negara.

"Jika mereka mempunyai aduan spesifik, mereka perlu maklumkan kepada kita. Tetapi apa sahaja yang kita lakukan, kita tidak lakukan sewenang-wenangnya atau diluar daripada skop undang-undang kita," katanya.

Mengenai sama ada Speaker Majlis Perundangan Rakyat Indonesia, Amien

Rais wajar memohon maaf kerana mengkritik hukuman rotan kerajaan Malaysia terhadap pendatang tanpa izin, Syed Hamid berkata hubungan antara kedua-dua negara berjiran itu tidak harus dicemari insiden tertentu.

"Hubungan kita tidak sepatutnya berdasarkan situasi. Kita menyandarkan hubungan dua hala kita berasaskan jangka panjang, berdasarkan apa yang telah dijayakan oleh kedua-dua pihak setakat ini," katanya.

Ketegangan, katanya, tidak akan menyelesaikan masalah.

Syed Hamid juga memuji para pemimpin Indonesia yang bersikap rasional dalam menangani isu itu.

Beliau berkata Malaysia tidak mahu menganiayai mana-mana negara asing dan 12 juta pelancong yang tiba di sini tahun lepas, membuktikan dasar mesra pelawat Kuala Lumpur.

Mengenai perkembangan yang sama, Syed Hamid berkata kerajaan tidak menghalang rakyat Malaysia melawat Indonesia ekoran dakwaan sentimen antiMalaysia di kalangan sebilangan rakyat Indonesia.

Menurutnya mereka yang merasa tidak selesa atau bimbang untuk pergi ke mana-mana bahagian di republik itu supaya tidak meneruskan rancangan terbabit.

Syed Hamid juga menasihatkan mereka yang hendak ke Indonesia supaya membawa bersama-sama mereka dokumen yang diperlukan bagi mengelak timbul masalah dengan pihak berkuasa di sana.

-- BERNAMA

MAM MAM LAT